

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002  
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN V - PEMBUBARAN PERKAHWINAN**

---

**Seksyen 51. Perceraian dengan li'an.**

(1) Jika pihak-pihak kepada sesuatu perkahwinan telah mengangkat sumpah dengan cara *li'an* mengikut Hukum Syarak di hadapan seorang Hakim Syarie, atas penghakiman, maka Hakim Syarie itu hendaklah memerintahkan mereka difarakkan dan dipisahkan dan hidup berasingan selama-lamanya.

(2) Mahkamah hendaklah merekodkan perceraian dengan *li'an* itu dengan sewajarnya dan menghantar suatu salinan rekod yang diperakui itu kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

---